

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

SOALAN :

**Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan
berhubung cadangan penggubalan Akta Kehormanian Sosial.**

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf Rang Undang-Undang Keharmonian Nasional belum dimuktamadkan pada masa ini dan masih lagi dalam peringkat perbincangan serta konsultasi.
2. Proses ini akan mengambil masa kerana dalam mengubah sesuatu undang-undang sedia ada atau memperkenalkan sesuatu akta baru, ia perlulah lebih baik daripada akta sedia ada khususnya dalam meningkatkan lagi keharmonian, keamanan dan kestabilan Negara serta memastikan Negara terus berjaya. Oleh itu, hanya selepas rundingan selesai, barulah Kerajaan akan membuat keputusan berkenaan kedudukan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.